

BAB TIGA

KAMPUNG DATO' KERAMAT

BAB 3

TANAH RIZAB MELAYU KAMPUNG DATO' KERAMAT

3.1 Latar Belakang Sejarah Kampung Dato' Keramat

Rekod-rekod lama simpanan Pesuruh Jaya Ibu Kota pada tahun-tahun 1955-58 (sekarang ini ia lebih dikenali sebagai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur),¹¹ menunjukkan bahawa Kampung Dato' Keramat telah dikenali dengan beberapa buah nama sebelum namanya pada hari ini. Antaranya, kawasan ini pernah dikenali dengan nama Gonggang Estate dan Kampung Tangga Cina. Semasa Kuala Lumpur mempunyai kerajaan tempatannya sendiri, Kampung Dato' Keramat telah diletakkan di bawah pentadbiran Pesuruh Jaya Ibu Kota mulai tahun 1955. Di bawah pentadbiran Pesuruh Jaya Ibu Kota kawasan ini kemudiannya lebih dikenali sebagai kawasan petempatan baru (New Resettlement Area) bersama-sama dengan Kampung Pandan,

¹¹ Pihak Berkuasa Tempatan di Kuala Lumpur telah beberapa kali bertukar nama sesuai dengan perubahan dan peluasan sempadan bandar. Nama-nama Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mentadbir Kuala Lumpur ialah seperti berikut:

1890-Lembaga Kesihatan Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Sanitary Board)
1912-Lembaga Bandaran Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Town Board)
1930-Majlis Mesyuarat Perbandaran Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Municipality)
1958-Pesuruh Jaya Ibu Kota (Commissioner of Federal Capital)
1972- Dewan Bandaraya (City Hall).

Kampung Ulu Kelang dan Kampung Air Panas (sila rujuk kepada Lampiran 11).

Kampung Dato' Keramat diisyiharkan sebagai kawasan Tanah Rizab Melayu pada tahun 1957 di bawah Enakmen 3(1)(F.M.S. Cap. 142). Semasa kawasan ini diisyiharkan sebagai kawasan Tanah Rizab Melayu ia terletak di Mukim Setapak dan Ampang. Pada masa itu Kampung Dato' Keramat mempunyai keluasan sejumlah 170 ekar sahaja (lihat Lampiran 19 (a) dan (b)). Semasa ia diisyiharkan sebagai kawasan TRM ia mempunyai sejumlah 639 unit rumah. 317 buah rumah atau (49.6%) daripadanya terdiri daripada rumah setinggan manakala 200 unit atau bersamaan (31.29%) daripadanya ialah terdiri daripada rumah-rumah yang didirikan oleh Lembaga Perumahan atau *Housing Trust*

Pengisytiharan kawasan ini sebagai kawasan TRM dibuat setelah ahli-ahli majlis dalam mesyuarat Eksekutif di Pejabat Daerah pada tahun 1957 memutuskan supaya kawasan ini diisyiharkan sebagai kawasan TRM. Tempoh pajakan yang ditetapkan ialah selama 30 tahun. Pengisytiharan ini dibuat berdasarkan juga kepada permintaan daripada penduduk di Kampung Dato' Keramat itu sendiri kerana mereka mahu

mengelakkan tanah di kampung ini daripada dimiliki oleh kaum lain.

Selain daripada itu, tidak banyak yang diketahui tentang sejarah asal-usul Kampung Dato' Keramat. Namun daripada bacaan yang dilakukan terhadap sumber-sumber bertulis seperti oleh Wilson (1968) di dalam bukunya, *A Malay Village and Malaysia*, menunjukkan bahawa Kampung Dato' Keramat adalah merupakan kampung Melayu yang disebut oleh Wilson selepas Kampung Baru. Kedua-dua kampung ini diwujudkan semasa pemerintahan British di maná status Kampung Baru ialah kawasan Petempatan Pertanian Melayu (M.A.S) manakala Kampung Dato' Keramat pula ialah Tanah Rizab Melayu yang diberi milik. Kawasan Tanah Rizab Melayu yang diberi milik di sini bermaksud hak pemilikan tanah yang telah diberikan oleh kerajaan negeri kepada mereka yang telah meneroka di kawasan ini. Pemilikan itu diberikan setelah kawasan ini dibuka 10 hingga 20 tahun dahulu. Tetapi pada hari ini, pemberi milikan sebegini telah kurang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah.

Petempatan terawal di Kampung Dato' Keramat mungkin wujud seawal daripada daripada tahun 1857. Ini adalah berdasarkan

kepada laporan yang dibuat oleh Frank Swettenham seperti yang ditulis oleh Gullick, (1990) di dalam bukunya *The History of Selangor* yang mengatakan telah wujud petempatan di kawasan Ulu Kelang, dan Ampang kerana kedua-dua kawasan ini adalah merupakan antara kawasan-kawasan perlombongan bijih timah yang utama di Selangor pada masa itu. Berdasarkan kepada tapak bekas lombong bijih timah yang masih ada di Kampung Dato' Keramat dapat diramalkan bahawa petempatan di kawasan Ulu Kelang tersebut merujuk kepada kawasan Kampung Dato' Keramat sekarang. Sebahagian tapak bekas lombong yang sedia ada telah ditimbul untuk tujuan pembangunan seperti perumahan. Tidak terdapat petempatan lain yang mempunyai kawasan bekas tanah lombong di persekitarannya selain daripada kawasan Kampung Dato' Keramat. Faktor kedudukan Kampung Dato' Keramat yang berhampiran dengan kawasan perlombongan bijih timah di Ampang menguatkan lagi keyakinan pengkaji tentang kewujudan kampung ini. Yang pastinya petempatan tersebut bukanlah dikenali seperti mana namanya pada hari ini.

Namun daripada temubual dengan Haji Mohammad Saad Mohammad Yusof, yang berumur 57 tahun, yang merupakan antara penduduk tertua di kawasan kampung tersebut menyatakan

perkara yang sebaliknya. Menurut Haji Mohammad Saad, Kampung Dato' Keramat hanya mula diteroka secara rasmi pada tahun 1940-an. Petempatan terawal bermula di sepanjang Sungai Kelang. Aktiviti sosio-ekonomi penduduk Kampung Dato' Keramat pada masa itu lebih kepada pertanian sara diri seperti menanam sayur-sayuran, ubi, keledek, dan sebagainya. Manakala sumber protein pula diperolehi daripada kegiatan menjala dan menangkap ikan di Sungai Kelang yang terletak berhampiran kawasan petempatan.

Walau bagaimanapun kajian terhadap sumber bertulis lain tidak dapat menggambarkan dengan tepat tentang kewujudan kampung ini. Namun kajian yang telah dilakukan oleh saudara Omar Sulaiman (1968) melalui latihan ilmiahnya telah menjelaskan tentang bagaimana kampung ini akhirnya mendapat nama sebagai Kampung Dato' Keramat. Menurut beliau pada tahun 1957,¹² bilangan petempatan di Kampung Dato' Keramat terus bertambah dengan kemasukan beberapa keluarga Melayu dari Kampung Baru. Menurut Omar Sulaiman (1968/69) perpindahan penduduk Melayu daripada Kampung Baru ini adalah disebabkan oleh perbezaan mazhab yang dianuti oleh

¹² Kenyataan ini menguatkan lagi fakta bahawa petempatan terawal di Kampung Dato' Keramat mungkin telah bermula seawal tahun 1940-an lagi seperti mana yang telah dinyatakan oleh Haji Mohammad Saad.

mereka. Mereka mengamalkan mazhab Kadiyani (Qadiani)¹³ yang berbeza sama sekali dengan mazhab Shafie yang menjadi ikutan masyarakat Malaysia pada masa itu. Akibat daripada perbezaan mazhab ini Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada masa itu telah mengarahkan mereka supaya keluar daripada Kampung Baru.

Mereka yang dihalau keluar ini kemudiannya telah mendirikan enam belas rumah haram atau rumah setinggan di kawasan yang kemudiannya dikenali sebagai Kampung Dato' Keramat pada hari ini. Nama baru bagi kampung ini hanya mulâ menjadi sebutan ramai pada tahun 1959. Nama ini diambil sempena nama sebuah kubur seorang yang dianggap keramat oleh penduduk di kampung tersebut. Kubur itu sebenarnya telah wujud lama disitu dan dipercayai kubur itu ialah kepunyaan seorang yang berketurunan Bugis bernama Haji Ali. Dipercayai bahawa kubur ini telah berada di Kampung Dato' Keramat itu bertahun-tahun dahulu sebelum terbukanya petempatan di sini. Kubur yang dianggap keramat ini

¹³ Mazhab Qadiani diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad yang merupakan pengikut Syiah aliran Ismailiyah. Pengikut mazhab ini percaya imam mereka ialah imam Mahadi. Pangkatnya tidak kurang daripada pangkat seorang Nabi dan dia telah menerima wahyu daripada Tuhan. Akhirnya Ghulam Ahmad telah mendakwa beliau telah dilantik menjadi seorang Rasul. Inilah antara penyelewengan utama mazhab Qadiani ini. Lihat

kemudiannya telah diturapi dengan simen.¹⁴ Sebuah surau kemudiannya didirikan berhampiran dengan kubur ini oleh seorang taukeh Cina yang telah dikabulkan permintaannya untuk mendapatkan anak. Kubur ini tidak sahaja dianggap keramat oleh orang-orang Cina malah orang-orang berketurunan Melayu yang beragama Islam dan orang-orang berketurunan India juga mengunjungi tempat ini untuk berdoa supaya dimakbulkan permintaan mereka. Semenjak daripada hari tersebut kampung ini lebih dikenali dengan Kampung Dato' Keramat bersempena dengan nama kubur yang telah dianggap keramat oleh masyarakat di kampung itu (Omar Sulaiman, 1968). Gambar foto 1 di bawah menunjukkan kawasan perkuburan di Kampung Dato' Keramat.

huraian lanjut tentang penyelewengan mazhab Qadiani ini di dalam buku Bahaya Aqidah Sesat Ajaran Songsang susunan Mustafa Suhaimi (1996:87)

¹⁴ Kajian penulis terhadap kawasan perkuburan Kampung Dato' Keramat menunjukkan bahawa kubur yang dianggap sebagai kubur keramat di kampung tersebut telah dipindahkan. Menurut Encik Mohammad Fauzi Mubarak (36) yang pernah melihat kubur tersebut, pemindahan kubur pada awal tahun 1990-an itu adalah bertujuan supaya upacara-upacara yang menyeleweng dari akidah dapat dielakkan kerana ada golongan tertentu yang menggunakan kubur tersebut dengan tujuan yang menyalahi ajaran Islam seperti membuat pemujaan untuk meminta nombor ekor dan sebagainya.



Gambar foto 1: Kawasan perkuburan Islam di Kampung Dato' Keramat.

Petempatan di kampung ini terus berkembang kemudianya dengan kemasukan peneroka-peneroka baru yang terdiri daripada mangsa-mangsa kebakaran dari kawasan panggung Coliseum pada tahun 1957 (kawasan Jalan Raja Laut sekarang ini), bekas anggota polis khas (Special Constable @ lebih popular dengan sebutan SC) semasa darurat dan penduduk dari kawasan bangunan Parlimen sekarang serta penduduk dari Kampung Pindah atau sekarang ini lebih dikenali sebagai Jalan Yap Kwan Seng (Omar Sulaiman, 1968).


Pada tahun-tahun 1960-an petempatan di kampung ini terus berkembang sebagai sebuah kawasan setinggan. Menurut Laporan Lembaga Bandaran Kuala Lumpur pada tahun 1959, kawasan Kampung Dato' Keramat adalah antara kawasan petempatan setinggan yang utama di Kuala Lumpur pada waktu itu. Pada akhir tahun 1960-an dan awal tahun 70-an kawasan Kampung Dato' Keramat telah berkembang sebagai kawasan petempatan setinggan yang rata-rata penduduknya terdiri daripada orang-orang Melayu.

Kajian oleh Aziah Osman (1970/71) pula telah membuktikan bahawa Kampung Dato' Keramat adalah diantara kawasan setinggan yang utama di Wilayah Persekutuan pada tahun 1971 selepas Kampung Abdullah Hukum, Sentul dan beberapa kawasan setinggan lain. Kajian Omar Sulaiman (1968) tentang setinggan di Kampung Dato' Keramat menunjukkan masyarakat setinggan di kampung ini mempunyai identitinya yang tersendiri serta hidup di dalam keadaan yang harmoni. Terdapat beberapa buah kawasan setinggan di Kampung Dato' Keramat pada masa itu. Kawasan-kawasan setinggan ini kemudiannya dikenali dengan nama yang berbeza berdasarkan kepada status yang telah diterima oleh komuniti setinggan itu sendiri.

Antara kampung-kampung setinggan yang wujud di Kampung Dato' Keramat pada tahun 1960-an adalah seperti berikut. ,

- (1) Kampung Kinabalu
- (2) Kampung Depan Esso
- (3) Kampung Kelantan
- (4) Kampung Bukit Keramat
- (5) Kampung Kilat
- (6) Kampung Kelantan Hujung Mara
- (7) Kampung Berembang
- (8) Kampung Bumiputera.

Rajah 1.7 di sebelah menunjukkan lokasi kampung setinggan di Kampung Datuk Keramat pada tahun 1960-an.



Sumber: Diubahsuai daripada kajian

Omar Sulaiman. (1970/71) (tidak diterbitkan)

Lokasi serta ciri-ciri kampung setinggan di Kampung Dato' Keramat di nyatakan seperti dibawah;

(1) Kampung Kinabalu

Kampung Kinabalu terletak di Barat Laut Kampung Dato' Keramat. Kampung ini ialah kampung setinggan yang terbesar pada masa itu dan kebanyakannya daripada penduduknya terdiri daripada penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sendiri.

(2) Kampung Depan Esso

Kampung setinggan Depan Esso ini dari segi lokasinya terletak di sepanjang Sungai Kelang dan petempatan yang didirikan ialah di kawasan tanah rizab jalan di Kampung Dato' Keramat. Yang uniknya mengenai kampung ini ialah ia adalah merupakan satu-satunya kampung setinggan yang kebanyakannya daripada penghuninya terdiri daripada orang-orang buta. Kebanyakan daripada mereka ini telah diberikan latihan kemahiran kerja-kerja tangan. Kebanyakan daripada mereka mahir membuat bakul daripada rotan dan buluh serta mahir membuat bangku duduk. Dari segi ekonominya, hasil-

hasil kerja tangan mereka ini dipasarkan di kawasan sekitarnya (Aziah Sulaiman, 1970).

(3) Kampung Kelantan

Kawasan setinggan ini dipanggil Kampung Kelantan kerana kebanyakannya daripada penghuni setinggannya berasal daripada Kelantan. Keadaan ekonomi luar bandar yang kurang stabil di kawasan luar bandar di negeri Kelantan menyebabkan penduduk Kelantan ini berhijrah ke bandar Kuala Lumpur untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Namun apabila mereka berhijrah ke Kuala Lumpur semangat kenegerian yang tinggi di kalangan mereka menyebabkan mereka lebih suka tinggal di kawasan setinggan yang mempunyai penduduk dari negeri asal yang sama. Kampung ini juga mempamirkan corak kehidupan yang sama seperti kampung-kampung mereka di Kelantan. Kebanyakan daripada mereka gemar bercakap loghat Kelantan dan menjalankan corak kehidupan yang sama seperti corak kehidupan asal mereka di Kelantan. Pada tahap awal pembentukannya, kegiatan penduduk di kampung ini juga popular dengan mengecap batik. Namun pada hari ini aktiviti tersebut tidak wujud sama sekali.

(4) Kampung Bukit Keramat

Dari segi lokasinya kampung ini terletak di atas bukit dan menghadap kolam tanah bekas lombong. Secara tidak langsung keadaan ini juga memisahkan Kampung Bukit Keramat daripada Kampung Kelantan.

(5) Kampung Kilat

Kampung Kilat adalah merupakan kampung setinggan tertua yang wujud di kampung Dato' Keramat. Menurut Aziah Osman (1970/71) petempatan setinggan di kampung ini telah diteroka pada tahun 1959. Rumah setinggan yang pertama di kawasan ini telah dibina di kampung ini semasa kemasukan secara beramai-ramai penghijrah-penghijrah dari kawasan luar bandar ke bandar selepas negara mencapai kemerdekaan.

(6) Kampung Kelantan Hujung Mara

Dari segi penduduknya, Kampung Kelantan Hujung Mara didiami oleh kebanyakan penduduk yang dahulunya tinggal di Kampung Kilat. Kampung ini juga dihuni oleh orang-orang Melayu yang telah berpindah ke sini dari kampung-kampung baru yang

telah diwujudkan selepas peristiwa 13 Mei 1969. Dari segi penduduknya, Kampung Kelantan Hujung Mara didiami oleh kebanyakan penduduk yang dahulunya tinggal di Kampung Kilat. Walau bagaimanapun, pada hari ini kawasan tersebut telah dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Selangor (PKNS) dengan membina kawasan perumahan teres setingkat dan dua tingkat.

(7) Kampung Berembang dan Kampung Bumiputera

Kedua-dua kampung ini dari segi lokasinya terletak di bahagian kiri Sungai Kelang tetapi di luar kawasan Kampung Dato' Keramat. Walau bagaimanapun, dari segi fizikalnya, kawasan ini lebih mudah dihubungi menerusi bahagian Ampang. Dari sudut ekonomi, sosial dan politik penduduknya, kebanyakan komuniti penduduk di sini lebih mirip dengan komuniti di Kampung Dato' Keramat. Perhubungan mereka dengan komuniti di Kampung Dato' Keramat dimudahkan lagi melalui pembinaan jambatan yang dibina merentangi Sungai Kelang ke Kampung Dato' Keramat. Rajah 1.7 menunjukkan lokasi kampung setinggan di Kampung Dato' Keramat.

3.2 Kampung Dato' Keramat Pada Hari Ini


Kampung Dato' Keramat pada hari ini dari segi lokasinya terletak di sebelah timur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dari segi pentadbirannya Kampung Dato' Keramat terletak di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Antara perkhidmatan bandaran yang diterima di kampung ini ialah dari segi perkhidmatan pengangkutan sampah, penyelenggaraan dan perparitan serta kawalan perancangan.

Kampung Dato' Keramat dihubungkan dengan pusat 'bandaraya Metropolitan Kuala Lumpur dengan jarak lebih kurang 3.107 kilometre. Dari sudut kedudukannya, Kampung Dato' Keramat adalah strategik kerana boleh dihubungi oleh pengangkutan awam seperti bas Intrakota, teksi dan yang terbaru kemudahan sistem transit aliran ringan (LRT). Perkembangan terbaru di Kampung Dato' Keramat ialah pembinaan sebuah pasar moden berhampiran dengan stesen ESSO. Jika siap pasar lama yang terletak bersebelahan Masjid Al Aqram sekarang ini akan dipindahkan dan kawasan tersebut akan dirobohkan. Kawasan Kampung Dato' Keramat juga terletak bersebelahan dengan lebuhraya bertingkat Ampang (2) yang kini dalam fasa pembinaan. Kesemua kemudahan yang terdapat di Kampung ini

telah menjadikan kawasan ini sebagai kawasan yang sangat strategik dan sesuai untuk didiami kerana faktor letakan dan kemudahsampaianya kepada infrastruktur-infrastruktur awam.

Gunatanah utama di Kampung Dato' Keramat pada hari ini ialah gunatanah kediaman. Kawasan ini adalah antara kawasan kediaman yang didiami rata-ratanya oleh penghuni Melayu. Kawasan ini juga dicirikan oleh kediaman setinggan yang terdiri daripada kalangan penghijrah Indonesia. Rajah 1.8 di menunjukkan pelan gunatanah semasa di Kampung Dato' Keramat pada hari ini.

Rajah 1.8 Menunjukkan Corak Gunatanah Semasa di Kg. Dato' Keramat



Sumber: Jabatan Pelan Induk, DBKL, 1999. (tidak diterbitkan)

Dari segi lokasinya Kampung Dato' Keramat dikelilingi oleh kawasan pembangunan yang pesat. Di sebelah Utara, di dalam kawasan negeri Selangor, terdapat kawasan pembangunan Bandar Baru Wangsa Maju. Di sebelah timur ialah kawasan pembangunan Ampang. Di bahagian Barat pula ialah kawasan Perancangan Pusat. Di kawasan Dato' Keramat juga terletaknya kawasan perindustrian bebas Ulu Kelang yang menempatkan lebih daripada 20 buah kilang. Bersebelahan dengan kawasan kajian terletak kompleks Kementerian Pertahanan (KEMENTAH), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Cawangan Jalan Semarak, Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara serta berhampiran pula dengan kawasan segitiga emas. Pelbagai program pembangunan, perindustrian dan perumahan telah dijalankan di persekitarannya sejajar dengan kepesatan pembangunan negara. Kawasan-kawasan kediaman lain yang terdapat di kawasan sekitarnya ialah perumahan Gurney, taman perumahan di Jalan Enggang, Ampang Hulu Kelang dan Setiawangsa.

Kebanyakan daripada penduduk di Kampung Dato' Keramat adalah terdiri daripada orang-orang Melayu. Dari segi keluasannya Kampung Dato' Keramat mempunyai keluasan 204.9 ekar. Pada tahun 1991 jumlah penduduknya ialah seramai

13,061 orang. Daripada jumlah ini seramai 6,817 orang ialah penduduk lelaki dan seramai 6,244 penduduk pula ialah perempuan.¹⁵

Pembangunan gunatanah semasa di kampung ini ditunjukkan pada Jadual 2.5 di bawah. Gunatanah utama di kawasan ini ialah gunatanah kediaman iaitu seluas 111.9 ekar (69.04%). Gunatanah kediaman ini merangkumi gunatanah kediaman di atas lot tanah yang sah seluas 105.39 ekar dan gunatanah di atas lot kediaman setinggan seluas 6.36 ekar. Gunatanah perdagangan hanya seluas 3.48 ekar atau bersamaah (2.27%) dan diikuti oleh gunatanah untuk kegunaan rekreatif 11.38 ekar (7.45%). Kategori gunatanah lain-lain termasuk rizab jalan raya, rizab Sungai Kelang, rizab laluan transit aliran ringan dan sebagainya yang selain daripada yang telah disebutkan di atas. Jadual 2.5 di bawah menunjukkan profil gunatanah dan keluasan di Kampung Dato' Keramat.

¹⁵ Temubual dengan Cik Faridah bt. Abdullah di Jabatan Pelan Induk, DBKL pada 12 Disember 1999.

Jadual 2.5: Profil Gunatanah Dan Keluasan Di Kampung Dato'

Keramat, 1999

Profil Gunatanah	Keluasan (ekar)	Peratus (%)
Kediaman	105.39	69.04
Perdagangan	3.48	2.27
Kawasan Lapang	11.38	7.45
Keagamaan	3.19	2.09
Sekolah	4.75	3.11
Kawasan Rekreasi	14.64	9.58
Kediaman setinggan	6.36	4.17
Lain-lain	55.71	27.18
Jumlah	204.90	100.0

Sumber: Ubahsuai Daripada Unit Pelan Induk DBKL (tidak diterbitkan), 1999.

Selain daripada itu, kawasan ini mempunyai pelbagai kemudahan awam lain seperti sebuah masjid iaitu Masjid Al-Iqram, dua buah surau, tadika kemas dan tadika swasta, sekolah rendah kebangsaan, sekolah agama kebangsaan, kawasan lapang untuk berekreasi, pondok polis, pejabat UMNO cawangan, dan pasar. Senarai kemudahan awam yang terdapat di Kampung Dato' Keramat di tunjukkan melalui Jadual 2.6 dibawah,

Jadual 2.6: Senarai Kemudahan Awam di Kampung Dato' Keramat
Pada Tahun 1999.

Kemudahan	Sedia ada (Bil/Keluasan)
Sekolah Rendah	1
Sek. Ren. Agama	1
Masjid	2
Surau	2
Kemudahan Sukan	1
Kemudahan Rekreasi	1
Pasar	1
Klinik	3
Kawasan Perkuburan	1
Balai Polis	1
Pusat Perhubungan	1
UMNO	

Sumber: Kerja lapangan, Julai, 1999.

3.3 Kampung Dato' Keramat Sebagai Komuniti Melayu Bandar

Konsep komuniti yang digunakan di dalam bab ini merujuk kepada komuniti masyarakat Melayu bandar yang tinggal di Kampung Dato' Keramat. Komuniti masyarakat yang cuba dijelaskan melalui bab ini ialah komuniti masyarakat di kawasan perumahan 'RIDA'.

Konsep komuniti secara definisinya mengikut Kamus Dewan (1993), merujuk kepada kumpulan masyarakat yang menunjukkan sifat-sifat yang serupa. Perbincangan untuk mengenalpasti konsep komuniti ini telah diberikan melalui penekanan dan pendekatan yang pelbagai. Contohnya Park (1929), Mercer (1956), MacIver dan Page (1965) telah melihat konsep komuniti melalui penekanan kepada satu kawasan yang serupa (Rokiah Talib, 1973:36). Menurut mereka faktor kawasan adalah penting untuk menerangkan tentang kewujudan sesebuah komuniti.

Walau bagaimanapun, pengkaji-pengkaji selepas mereka melihat faktor kawasan bukan lagi merupakan satu-satu faktor yang boleh menerangkan konsep komuniti. Faktor kawasan berubah kerana perkembangan di dalam sains dan

teknologi terutamanya dengan terciptanya kenderaan udara dan sebagainya. Kemajuan ini menyebabkan kehidupan manusia lebih dinamik dan mereka boleh melampaui batasan geografi. Perkembangan teknologi pengangkutan dan telekomunikasi misalnya memungkinkan manusia berhubung dengan lebih pantas. Keadaan ini memberi kemudahan kepada manusia untuk berhubung dengan lebih pantas di dalam ruang yang lebih luas. Akibatnya manusia tidak lagi lahir dan menetap di kawasan yang sama, sebaliknya mereka cenderung untuk bekerja dan menetap di kawasan yang berbeza (Rokiah Talib, 1973:36).

Proses perbandaran juga mempunyai kesan yang besar kepada pergerakan manusia. Proses perbandaran yang sering berakhir dengan penumpuan manusia di kawasan yang dianggap bandar telah melahirkan perubahan bukan sahaja kepada bilangan penduduk malah juga turut meninggalkan kesan kepada sifat perhubungan penduduk. Masyarakat bandar sering dikenali melalui perhubungan atas dasar kepentingan dan sering mempunyai ikatan perhubungan yang dikatakan sebagai "loose knit" atau perhubungan yang longgar dan kurang mesra. Keadaan ini berbeza sama sekali dengan perhubungan di kawasan luar bandar yang berbentuk lebih rapat dan mesra

"close knit". Keadaan ini mempunyai hubungan dengan corak perhubungan mereka sehari-hari. Masyarakat bandar juga dikatakan sentiasa sibuk dengan urusan sehari-hari mereka. Kesibukan ini juga telah mengurangkan hubungan persempenaan di antara mereka. Oleh kerana itu, bentuk perhubungan di antara mereka lebih berdasarkan kepada hubungan atas dasar kepentingan. Hubungan atau jalinan sosial ini lebih mudah dikesan mengikut corak ekonomi atau kegiatan pekerjaan mereka. Atas dasar ini lahir pula pendekatan yang cuba menerangkan tentang sifat komuniti berasaskan faktor kepentingan dan bukan faktor kawasan. Faktor kepentingan di sini merujuk kepentingan kepada faktor ekonomi, pekerjaan, masa lapang dan sebagainya (Rokiah Talib, 1973:36).

Berhubung dengan konsep komuniti berkepentingan ini Goode (1957) telah mengutarakan pula konsep komuniti profesion. Beliau kemudiannya mengemukakan lapan ciri yang menunjukkan bagaimana kelompok-kelompok komuniti yang dikatakan komuniti berprofesional. Beliau juga menerangkan tentang kewujudan identiti diantara anggota komuniti berkenaan didalam melakukan kegiatan yang sama telah melahirkan ukuran sosial kepada mereka. Akhirnya melalui proses

sosialisasi komuniti ini telah melahirkan generasi yang baru.

Oleh kerana itu, pengkaji-pengkaji lain seperti Warren (1963), Breeze (1966) dan Weber (1967) telah membuat kesimpulan bahawa faktor kawasan bukan lagi merupakan faktor penentu utama komuniti. Sebaliknya mereka menekankan ikatan yang sama pula untuk menerangkan sifat-sifat sebuah komuniti. Ikatan yang sama disini merujuk kepada nilai atau pegangan bersama yang dihayati oleh sesebuah komuniti. Nilai-nilai itu termasuklah persamaan dari segi agama, budaya, pekerjaan, dan sebagainya. Firth (1952) dan Parsons (1964) kemudiannya telah menambah tindakan sosial yang berlaku diantara ahli-ahli di dalam masyarakat sebagai pembolehubah yang juga mempengaruhi hubungan di dalam komuniti.

Akibat daripada kepelbagaian pendekatan yang telah cuba diutarakan itu, Hillery (1955) kemudiannya telah membuat kajian kepada 94 definisi komuniti. Hasil daripada kajian beliau menunjukkan bahawa faktor kawasan adalah faktor yang mendukung setiap definisi komuniti itu. Beliau juga kemudiannya telah merumuskan bahawa untuk menerangkan

sesebuah kawasan itu sebagai sebuah komuniti ia hendaklah memperlihatkan tiga pembolehubah yang utama iaitu kawasan yang sama (*common area*), ikatan sosial yang sama (*common ties*) dan (*social interaction*) hubungan sosial yang sama (Rokiah Talib, 1973:36)

Sehubungan dengan itu, pengertian komuniti yang akan digunakan di dalam kajian ini juga adalah berlandaskan kepada tiga faktor utama tersebut, iaitu kawasan yang sama ("common area"), ikatan sama ("common social ties") dan hubungan sosial ("social interaction") sebagaimana yang diutarakan oleh Rokiah Talib (1973) yang melihat Kampung Raja Uda di Kelang sebagai sebuah komuniti bandaran.

3.3.1 Faktor Kawasan

Kawasan perumahan 'RIDA' di Kampung Dato' Keramat terletak dari Lorong Kiri 5 hingga Lorong Kiri 20. Kawasan ini pada asalnya menempatkan sebanyak 200 unit rumah asal yang dinamakan rumah 'RIDA'. Pembinaan kawasan perumahan ini dilakukan secara dua fasa. Fasa yang pertama terdiri

daripada 50 unit rumah dibina pada tahun 1956¹⁶ dan fasa kedua pula dibina pada tahun 1957 dan menempatkan 150 unit rumah tambahan. Walaupun pada hari ini, usia rumah 'RIDA' ini telah menjangkau 43 tahun dan kesemua struktur rumah asal 'RIDA' telah berubah sama sekali namun faktor rumah baru yang dibina di atas tapak asal rumah 'RIDA' masih boleh digunakan untuk menerangkan konsep komuniti kerana faktor kawasannya tetap sama.

Kawasan perumahan seluas lebih kurang 63 ekar yang terletak di Kampung Dato' Keramat ini telah diisyiharkan sebagai kawasan Tanah Rizab Melayu dan tertakluk kepada undang-undang Tanah Rizab Melayu. Rumah-rumah 'RIDA' adalah merupakan rancangan rumah murah atau rumah rakyat yang terawal di Negeri Selangor. Rumah ini telah dibina oleh 'RIDA' melalui anak syarikatnya Kayu Sedia Sendirian Berhad. Ia dijual pada harga RM 2,700.00 sebuah. Cara bayaran ialah secara ansuran sebanyak RM 33 sebulan sehingga tempoh 19 tahun. Keluasan tapak rumah ialah $\frac{1}{4}$ ekar purata dan hanya diperuntukkan untuk sebuah rumah sahaja.

¹⁶ Pembinaan 50 unit rumah asal 'RIDA' di Kampung Dato' Keramat dibuat sebelum Kampung Dato' Keramat diisyiharkan sebagai Tanah Rizab Melayu

Disebabkan rumah ini adalah rumah yang telah dirancang pembinaannya, kedudukan rumah adalah tersusun mengikut lorong. Setiap lorong mempunyai dari sekurang-kurang 5 unit rumah sehingga 12 unit rumah bergantung kepada kesesuaian kawasan. Selain daripada itu, bentuk rumah sesebuah dan terletak berhampiran diantara satu sama lain memungkinkan hubungan persemukaan berlaku. Tambahan pula, kehadiran kedai-kedai runcit dan pasar mini berhampiran rumah-rumah berkenaan memungkinkan hubungan diantara komuniti ini menjadi lebih erat.

3.3.2 Faktor ikatan

Faktor ikatan sama pula wujud diantara penduduk di sini dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Dari sudut ikatan ekonomi, rata-rata penghuni di kawasan ini terdiri daripada mereka yang mempunyai taraf ekonomi yang sederhana. Walaupun terdapat, ketua isi rumah yang mempunyai pendapatan melebihi RM 2,000.00 sebulan namun mereka bukanlah terdiri daripada penghuni asal. Mereka ialah generasi kedua yang terdiri daripada anak-anak pemilik rumah pertama iaitu seramai 85 orang (56.6%). Hampir

lagi. Pembinaan sebanyak 150 unit rumah tambahan adalah selepas kampung

kesemua penyewa iaitu seramai 65 orang (43.3%) yang tinggal menyewa di kawasan perumahan ini adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan sederhana. Justeru itu bolehlah dikatakan dari segi ekonomi ini juga mengikat mereka sebagai penghuni di kawasan perumahan 'RIDA'. Dari aspek politik pula, mereka sama-sama menyokong parti politik tertentu seperti UMNO, PAS dan KEADILAN. Melalui ikatan ini, mereka sama-sama menjadi ahli dan berjuang mengikut kepentingan parti politik berkenaan. Faktor politik ini juga memberikan kelebihan kepada mereka kerana sekiranya sesuatu isu timbul yang membabitkan hak mereka sebagai penghuni kampung ini, sokongan daripada tokoh-tokoh politik amat mereka perlukan.

3.3.3 Faktor hubungan sosial

Faktor hubungan sosial yang paling kuat dilihat melalui komuniti ini ialah daripada aspek agama. Hampir semua penghuni di kawasan ini beragama Islam. Oleh itu hubungan sosial ini diperkuuhkan lagi melalui kegiatan agama yang dilakukan secara berkumpulan. Kegiatan-kegiatan keagamaan seperti kuliah subuh, sembahyang berjemaah, membaca Yassin

itu diistiharkan sebagai kawasan Tanah Rizab Melayu.

pada malam Jumaat dan sebagainya yang dilakukan di surau yang terdapat di kawasan perumahan berkenaan, menggalakkan perhubungan di antara mereka. Selepas sembahyang mereka bersalaman, bertanya khabar dan berbual-bual kosong sebelum bersurai. Walaupun perlakuan ini dianggap remeh, tetapi ia boleh melahirkan bibit-bibit persaudaraan dan kemesraan bukan sahaja selepas sembahyang malah di lain masa yang sesuai.

Upacara-upacara agama lain seperti sambutan Maulud Nabi, upacara di bulan puasa seperti sembahyang tarawih, amalan berbuka puasa di masjid Al-Akram adalah antara ikatan sosial lain yang menghubungkan masyarakat di kawasan perumahan dengan masyarakat di Kampung Dato' Keramat amnya. Di hari-hari perayaan pula, mereka saling berkunjungan di antara satu sama lain. Tambahan pula keadaan rumah yang terletak berhampiran antara satu sama lain mengeratkan hubungan kejiranan yang sedia ada.

Interaksi sosial juga berlaku semasa majlis-majlis keraian. Majlis perkahwinan, kenduri bersunat, kenduri arwah dan sebagainya adalah contoh-contoh aktiviti kemasyarakatan yang masih diamalkan di kawasan perumahan ini. Upacara

perkahwinan walaupun telah mengalami perubahan dari segi pendekatan sesuai dengan keadaan tempat tetapi budaya kunjung-mengunjungi diantara sahabat handai masih wujud di kawasan ini. Konsep gotong-royong dimajlis perkahwinan masih terdapat walaupun tidak begitu meluas. Namun kerja gotong royong ini telah diper mudahkan lagi melalui sistem lebih moden seperti bantuan katerer atau kontrak memasak dan perkakasan. Keadaan-keadaan seperti ini sudah memadai untuk mengekalkan perhubungan sosial di kalangan mereka.

Selain daripada itu, institusi lain yang ada di kawasan ini seperti pasar, sekolah, dewan orang ramai, persatuan penduduk dan sebagainya adalah juga merupakan faktor pengikat perhubungan di antara mereka. Dewan orang ramai adalah merupakan tempat pertemuan penduduk terutamanya apabila ada kelas-kelas bimbingan menjahit, memasak, kelas fardhu ain dan sebagainya. Manakala sekolah walaupun tempat menimba ilmu pengetahuan kepada anak-anak mereka namun, hubungan persempuaan yang berlaku semsa menghantar anak-anak ke sekolah adalah merupakan antara faktor yang mengikat perhubungan antara mereka. Kedua-dua gambarajah di bawah menunjukkan masjid, pasar dan dewan orang ramai yang telah mengukuhkan ikatan sosial penduduk di kampung ini.


Gambar foto 2: Masjid Al-Akram di Kampung Dato' Keramat



Gambar foto 3: Surau Yang Terdapat Di Kawasan Perumahan 'RIDA' juga merupakan pusat pertemuan sosial penghuni di kawasan ini.



Gambarajah 4: Pasar & Pusat Sukan di Kampung Dato' Keramat tempat pertemuan aktiviti sehari-hari komuniti Kampung Dato' Keramat.



Daripada apa yang dihuraikan diatas, dapat dilihat bagaimana faktor-faktor kawasan sama, ikatan sama dan hubungan sosial yang sama telah membentuk kawasan perumahan 'RIDA' ini sebagai suatu komuniti. Namun begitu, pada hari ini kampung ini berada di dalam beberapa keadaan dilemma. Pertama sekali ialah kerana kedudukannya. Walaupun ia terletak di dalam kawasan bandar, ia tidak menerima kemudahan bandar sepenuhnya. Satu contoh yang baik ialah dari sudut perparitan dan longkang yang terdapat di kawasan perumahan berkenaan Di dapati parit dan longkang sentiasa penuh dengan sampah dan air yang bertakung. Keadaan pembangunan yang berlaku di kawasan sekitarnya juga menyebabkan parit dan longkang di kawasan berkenaan sering dipenuhi lumpur. Gambar foto 5 di sebelah menunjukkan keadaan parit dan longkang yang tersumbat di kawasan perumahan 'RIDA'. Akibatnya pernah pada suatu ketika kawasan perumahan ini dilanda banjir kerana air tidak mengalir dengan sempurna. Ini adalah antara sungutan yang diterima daripada penghuni di kawasan berkenaan kerana mereka tidak berpuas hati dengan layanan yang telah mereka terima daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Mereka

merasakan seolah-olah kebajikan mereka dilupakan walaupun mereka adalah sebahagian daripada warga kota Kuala Lumpur.

Gambar foto 5: Keadaan parit dan longkang di kawasan perumahan 'RIDA' di Kampung Dato' Keramat yang tersumbat.



Semasa kajian ini dilakukan penduduk baru sahaja ditimpa banjir yang telah mengakibat kerugian beratus ringgit kepada mereka. Ada diantara penduduk yang telah dijanjikan untuk dibayar sagu hati oleh wakil rakyat di kawasan berkenaan, namun sehingga kajian ini dijalankan setelah hampir tiga bulan, bayaran pampasan yang dijanjikan belum lagi ditunaikan. Itulah sebabnya mereka merasakan kehidupan mereka terabai walaupun mereka tinggal di kawasan bandar.


Dari segi kedudukan, keseluruhan kampung ini memang mempunyai lokasi yang strategik kerana hanya 'dihubungi selama 15 minit ke pusat bandar Kuala Lumpur. Selain daripada itu, ia juga dihubungkan dengan sistem pengangkutan awam yang baik seperti bas, teksi dan sistem transit aliran ringan. Antara kemudahan pengangkutan moden yang melalui kawasan ini ialah transit aliran ringan PUTRA. Yang masih dalam pembinaan pula ialah lebuhraya bertingkat Ampang (2). Gambar foto 6 dan 7 menunjukkan dua buah stesen LRT PUTRA yang melalui kawasan Kampung Dato' Keramat manakala Gambar foto 8 pula menunjukkan lebuhraya bertingkat Ampang yang masih dalam tahap pembinaan. Jika siap lebuhraya ini akan menghubungkan kawasan Ampang ke pusat bandaraya Kuala Lumpur. Tetapi status kampung ini

ialah kawasan Tanah Rizab Melayu. Proses perbandaran yang berlaku akan terus meminggirkan kawasan kampung ini daripada arus pembangunan. Status kampung ini sebagai kampung yang terletak di kawasan TRM mempunyai beberapa sekatan untuk melaksanakan projek pembangunan ke atasnya.

Gambar foto 6 dan 7: Menunjukkan dua buah stesen LRT PUTRA yang melalui Kampung Dato' Keramat iaitu stesen Kampung Dato' Keramat dan Damai.



Gambar foto 8: Lebuhraya Bertingkat Ampang (2) yang sedang dalam pembinaan akan memberikan tambahan kemudahan perhubungan di Kampung Dato' Keramat.



Daripada aspek kemasyarakatannya pula, ciri-ciri keseragaman atau homogeniti masih boleh dilihat di kawasan perumahan ini. Walaupun mereka berasal daripada lokasi negeri yang berbeza namun, asas agama, ikatan budaya, bangsa yang sama masih menunjukkan ciri-ciri keseragaman diantara mereka. Dari aspek ekonomi, unsur-unsur keseragaman masih kelihatan walaupun generasi kedua yang mempunyai pendidikan setakat Sijil Pelajaran Malaysia dan ke bawah (87.2%) telah membawa beberapa perubahan. Perubahan ketara yang berlaku ialah daripada aspek perumahan. Ada diantara penghuni rumah yang telah membina rumah baru dan memperbaiki rumah lama serta memagar rumah mereka (lihat Gambar foto 9). Tetapi nilai kebendaan yang ditunjukkan ini masih tidak memisahkan mereka daripada menjalankan perhubungan semesra seperti biasa. Oleh yang demikian kampung ini telah menunjukkan satu sifat keanekaragaman (heterogenous) daripada aspek struktur perumahan. Ini berkait rapat juga dengan faktor profil pekerjaan.

Gambar foto 9: Menunjukkan Struktur Rumah Baru Berpagar Terletak Bersebelahan Dengan Rumah Lama



Gambar foto 10: Menunjukkan pemandangan rumah baru dan rumah lama yang terletak berhampiran yang turut mencorakkan aspek perumahan 'RIDA'.



Oleh itu daripada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa komuniti dikawasan perumahan 'RIDA' ini juga menunjukkan ciri-ciri hidup bandaran. Keadaan dilemma yang yang dialami oleh penduduk di kawasan ini adalah kerana kekosongan yang wujud kerana perubahan yang tidak selaras antara nilai pembangunan di persekitaran dengan keadaan hidup mereka. Oleh kerana perubahan dari persekitaran adalah suatu proses yang beransur-ansur maka tidak hairanlah mengapa penduduk di kawasan perumahan ini masih

mengelaskan ciri-ciri tradisi mereka seperti kunjung-mngunjungi dan berkumpul di surau. Walaupun pencapaian mereka di dalam ekonomi telah merubah gaya hidup mereka di dalam beberapa aspek tertentu, namun keadaan ini tidak menukar corak perhubungan mereka dengan masyarakat di sekitar mereka secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, apa yang boleh dikatakan ialah penghuni di kampung ini akan sentiasa berada di dalam peralihan perbandaran. Bagi penghuninya pula mereka sentiasa membuat penyesuaian dengan keadaan yang baru dan proses penyesuaian ini kadangkalanya membiarkan mereka berada di dalam beberapa keadaan dilemma seperti yang telah dihuraikan tadi.

Disamping itu, komuniti di kampung ini juga berupaya menyesuaikan diri dengan kehadiran golongan penyewa yang kebanyakannya terdiri daripada golongan imigran daripada Indonesia. Walaupun, mereka begitu berhati-hati di dalam pergaulan mereka dengan golongan ini, namun mereka menunjukkan perasaan bertolak-ansur kepada mereka dengan syarat golongan ini tidak menimbulkan kekacauan di kampung mereka. Penyesuaian dan penerimaan komuniti di kampung ini terhadap golongan imigran ini boleh dilihat terutamanya apabila mereka boleh duduk semeja di gerai-gerai makan dan

berbual, mengangkat kepala apabila bersua di tengah jalan serta berjabat tangan semasa bertemu di tepi jalan.

3.4 ASPEK PEMILIKAN & SOSIO-EKONOMI KOMUNITI 'RUMAH RIDA'

KAMPUNG DATO' KERAMAT

Bahagian ini cuba melihat secara lebih mendalam tentang sosio-ekonomi penghuni rumah 'RIDA' sekarang. Untuk tujuan ini pengkaji telah mengambil 150 orang responden (ketua keluarga). Perkara-perkara yang diteliti di sini ialah status pemilikan rumah, umur, taraf kewarganegaraan, jantina, jenis keluarga, pendidikan, pekerjaan dan pendapatan. Jumlah responden ini dikira boleh membayangkan tentang gambaran sosio-ekonomi keseluruhan penghuni rumah 'RIDA' sekarang serta sosio-ekonomi yang mewakili sebahagian penduduk TRM Kampung Dato' Keramat amnya.

3.4.1 STATUS PEMILIKAN

Rumah 'RIDA' adalah antara Program Perumahan Rakyat yang telah dibina oleh Pesuruh Jaya Ibukota (sekarang DBKL) pada tahun 1950-an. Program perumahan ini adalah merupakan satu usaha bagi Pesuruh Jaya Ibu Kota pada masa itu bagi menyediakan kawasan perumahan yang teratur dan kemas berbanding dengan keadaan perumahan yang bertaburan dan

tidak menentu pada ketika itu (Ismail Stapa, 1994/95: 132). Secara amnya rumah-rumah ini ialah rumah murah yang dijual kepada orang ramai.

Namun, sesuai dengan perubahan dan pembangunan ekonomi semasa, kawasan perumahan ini tidak lagi mempunyai bentuk rumah asal 'RIDA'. Daripada kajian yang telah dijalankan, status pemilikan rumah ini terdiri daripada pemilik asal dan penyewa. Di dapati daripada 150 orang responden, 85 responden (56.7%) adalah merupakan responden pemilik asal, manakala 65 responden (43.3%) responden adalah merupakan penyewa. Jadual 2.7 di bawah menunjukkan status pemilikan rumah 'RIDA'.

Jadual 2.7 Status Pemilikan Rumah

Status Pemilikan	Bilangan	Peratusan
Pemilik	85	56.7
Penyewa	65	43.3
Jumlah	150	100

3.4.2 UMUR

Bandar sering ditakrifkan sebagai suatu kawasan petempatan kekal yang secara relatifnya lebih padat serta penduduknya tidak seragam (Wirth 1938:9). Di negara kita, takrif yang sering digunakan untuk mentakrif sesebuah kawasan

petempatan itu sebagai bandar ialah dari segi jumlah penduduknya. Di Malaysia, bilangan penduduk yang melebihi 10,000 penduduk dan ke atas boleh dianggap sebagai bandar.

Urbanisasi pula ialah proses penumpuan penduduk ke kawasan bandar. Proses penumpuan penduduk ini juga melibatkan proses perpindahan penduduk daripada kawasan desa yang kurang padat penduduknya ke kawasan bandar yang umumnya mempunyai penduduk yang lebih padat. Louis Wirth (1938) seorang pelopor sosiologi bandar ternama menyimpulkan akibat daripada proses urbanisasi masyarakat bandar boleh dicirikan kepada tiga aspek utama iaitu, saiz penduduk yang besar, padat dan heterogeniti. Heterogeniti di sini bermaksud ketidakseragaman penduduk bandar dari segi umurnya, jantinanya dan juga taraf pendidikan mereka amat ketara. Tetapi yang lebih jelas kebanyakkan penduduk bandar pada umumnya terdiri daripada mereka yang masih muda serta mereka mempunyai pendidikan yang lebih baik.

Aspek perumahan bandar juga berkait dengan proses urbanisasi. Proses urbanisasi yang berlaku menyebabkan bekalan rumah sering tidak mencukupi permintaan warga kota. Akibatnya mereka terpaksa mencari alternatif lain seperti

menyewa di kawasan perumahan sesak seperti kawasan setinggan dan sebagainya.

Hasil daripada kajian terhadap umur responden di kawasan perumahan 'RIDA' ini menunjukkan bahawa kebanyakan penghuni di kawasan perumahan tersebut berusia di dalam lingkungan usia yang masih muda. Di dapati bahawa lebih separuh daripada mereka berumur 35 tahun dan ke bawah. Mereka yang berumur lebih 60 tahun kurang daripada 30 peratus. Ini menunjukkan bahawa 80 peratus daripada responden adalah di dalam lingkungan umur produktif. Mereka yang benar-benar kurang produktif dan berumur melebihi 70 tahun berjumlah 11 orang atau mewakili hanya 8.7 peratus sahaja. Gambaran yang lebih terperinci boleh dilihat dalam Jadual 2.7 dibawah,

Jadual 2.7 Profil Umur Responden Ketua Isi Rumah

Kategori umur	Bilangan	Peratus (%)
< 20 tahun	-	-
21-30	31	20.6
31-40	43	28.7
41-50	30	20.0
51-60	20	13.3
61-70	13	8.7
> 70 tahun	11	7.3
lain-lain	2	1.3
Jumlah	150	99.9

Profil umur yang terdapat pada jadual tersebut menggambarkan bahawa kebanyakan responden ketua isi rumah berumur pada kategori 21-60 tahun. Kenyataan ini berkait rapat dengan proses urbanisasi yang berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur. Kawasan Kampung Dato' Keramat merupakan antara kawasan petempatan Melayu yang terletak berhampiran dengan pusat bandar Kuala Lumpur selain Kampung Bahru. Justeru itu kawasan ini menjadi tumpuan orang-orang Melayu yang berhijrah ke Kuala Lumpur.

Jadual tersebut juga membuktikan kategori umur tertinggi penghuni di kawasan perumahan RIDA ialah mereka yang

dimaklumi kestrategikan Kampung Dato' Keramat merupakan alternatif terbaik bagi penghuni-penghuni yang berkeluarga. Ini adalah kerana kawasan ini mempunyai kemudahsampaian kepada beberapa kemudahan asas yang utama bagi yang sudah berkeluarga dan mempunyai anak. Umpamanya terdapat dua buah sekolah rendah di kawasan ini, kemudahan pasar basah, sekolah menengah, sekolah agama dan sebagainya.

Kajian yang dijalankan menunjukkan status penghuni di kawasan perumahan 'RIDA' terbahagi kepada dua kategori utama iaitu penghuni bujang dan sudah berkahwin dan berkeluarga. Hampir 85% responden sudah berkahwin. Hanya 8.6% daripada responden adalah bujang dan 7.3% responden adalah janda (lihat Jadual 2.7a). Kategori janda di sini bermaksud janda yang telah berpisah hidup dengan suami mereka. Keadaan ini juga memaparkan bahawa status perkahwinan berkait rapat dengan keperluan untuk menyewa atau memiliki rumah di kawasan perumahan ini.

Lokasi Kampung Dato' Keramat yang begitu strategik berhampiran Pusat Bandaraya Kuala Lumpur memberikan kelebihan kepada penghuni kota memilih kawasan kediaman mereka selain daripada perumahan di Kampung Baru yang telah

berumur 31-40 tahun iaitu seramai 43 orang atau mewakili 28.7 peratus daripada peratus keseluruhan. Jadual ini juga menunjukkan bahawa nilai peratusan semakin mengecil bersama dengan peningkatan umur mereka. Ini juga menunjukkan kategori penduduk yang berumur 40 tahun dan ke bawah merupakan peringkat umur yang paling aktif di dalam penghijrahan. Walau bagaimanapun, penyewa yang menyewa di kawasan perumahan RIDA ini merupakan penyewa yang bersifat sementara. Mereka akan berpindah ke tempat lain setelah mempunyai kewangan yang mencukupi. Kawasan kediaman yang lebih baik itu bermaksud perpindahan ke kawasan taman perumahan yang berhampiran seperti di sekitar bandaraya dan Negeri Selangor.

3.4.3 Status Penghuni

Jadual 2.7a: Status Penghuni

Status	Bilangan	Peratusan (%)
Berkahwin	126	84.0
Bujang	13	8.6
Janda	11	7.3
Jumlah	150	99.9

Kajian mengenai aspek perumahan RIDA tidak lengkap jika tidak menyatakan status penghuni. Sebagaimana yang

sedia padat. Selain daripada itu, proses penyesuaian ke arah kehidupan bandar amat sesuai di kawasan Kampung ini kerana majoriti penghuninya ialah orang-orang Melayu yang masih mengekalkan ciri-ciri kehidupan tradisional.

Sebaliknya kebanyakan penghuni yang berstatus bujang menyewa samada sebuah rumah atau bilik sahaja. Kebanyakan penyewa bujang yang menyewa di kawasan perumahan ini adalah merupakan mahasiswa dari Universiti Teknologi Mara cawangan Jalan Semarak Kuala Lumpur.

3.4.3 Taraf Kerakyatan

Kedudukan Kampung Dato' Keramat yang begitu strategik kerana mempunyai kemudahan pengangkutan awam yang baik juga meletakkan kawasan ini sebagai kawasan yang menjadi tumpuan bukan sahaja penghijrah tempatan malah penghijrah luar juga turut bertumpu ke kawasan ini. Selain daripada mempunyai rumah-rumah sah kampung ini juga turut dihuni oleh mereka yang membina rumah-rumah haram.

Kajian yang dijalankan juga menunjukkan penghuni di kawasan perumahan 'RIDA' ini bukan sahaja terdiri daripada golongan

Warganegara malah lebih daripada itu juga ada di kalangan penyewa yang mempunyai taraf kerakyatan sementara . Taraf kerakyatan sementara di dini bermaksud taraf kerakyatan yang telah diberikan kepada golongan penghijrah daripada Indonesia kerana mereka telah tinggal di negara kita melebihi 10 tahun. Golongan ini biasanya ialah pemegang kad pengenalan berwarna merah.

Dari pada penyelidikan didapati 73% ketua isi rumah responden adalah merupakan warganegara Malaysia dan selebihnya iaitu 27% adalah mereka yang mempunyai taraf kerakyatan sementara. Jadual 2.8 di bawah menunjukkan taraf kerakyatan ketua isi rumah responden di kawasan perumahan 'RIDA' .

Jadual 2.8 Taraf Kerakyatan Responden Ketua Isi Rumah

Taraf kerakyatan	Bilangan	Peratusan (%)
Warganegara	110	73.3
Bukan Warganegara	40	26.7
Jumlah	150	100.0

3.4.5 Taraf Pendidikan

Bandar sering digambarkan sebagai sebuah petempatan yang moden dan biasanya didiami oleh golongan yang mempunyai taraf sosio-ekonomi yang tinggi. Taraf sosio-ekonomi yang tinggi pula seringkali dikaitkan dengan peluang memperolehi pendidikan yang tinggi. Masyarakat umum juga sering mengaitkan faktor pendapatan dengan taraf pendidikan yang diterima. Biasanya golongan yang bertaraf pendidikan Universiti, pemegang diploma dan sijil akan mempunyai kadar pendapatan yang lebih tinggi berbanding mereka yang hanya belajar setakat sekolah menengah atau lepasan S.P.M. sahaja. Namun begitu, keadaan ini juga bergantung kepada jenis pekerjaan mereka.

Kajian oleh Jones (1966) walau bagaimanapun, membuktikan bahawa walaupun bandar seringkali dikaitkan dengan ketinggian dan kemajuan taraf pendidikan penghuninya, namun di bandar juga terdapat penghuni yang miskin dan kurang berpelajaran tinggi. Keadaan ini juga terbukti di bandar Kuala Lumpur khasnya di Kampung Dato' Keramat yang mana walaupun lokasi kawasan tersebut terletak di pusat bandar, namun bukan semua penduduknya mempunyai taraf pendidikan yang tinggi. Keadaan ini juga sebenarnya bersifat subjektif

kerana kawasan Kampung Dato' Keramat bukanlah merupakan kawasan kediaman orang Melayu daripada golongan elit sepetimana yang terdapat di kawasan Damansara.

Jadual 2.9 Taraf Pendidikan Ketua Isi Rumah

Taraf Pendidikan	Bilangan	Peratus
Sekolah rendah	30	26.6
S.R.P.	32	21.3
S.P.M.	59	39.3
S.T.P.M	11	7.3
Ijazah/Diploma	8	5.3
Lain-lain	10	6.7
Jumlah	150	99.9

Jadual di atas menunjukkan bahawa 85% daripada responden ketua isi rumah berkenaan hanya menerima taraf pendidikan pelajaran sehingga Sijil Persekolahan Malaysia (S.P.M.) dan kebawah. Manakala hanya 12.6% responden atau hanya seramai 19 orang responden sahaja yang mendapat pendidikan tertinggi iaitu di peringkat universiti. Ini menunjukkan bahawa taraf pencapaian pendidikan secara keseluruhan penghuni di kawasan perumahan ini adalah agak rendah. Faktor taraf pendidikan ini juga mempunyai kesan ke atas pendapatan mereka yang akan dihuraikan seterusnya.

3.4.6 Status Pekerjaan Responden

Ciri-ciri pekerjaan masyarakat bandar berbeza daripada pekerjaan masyarakat luar bandar. Bidang pekerjaan masyarakat bandar tertumpu kepada sektor perkhidmatan, pembuatan dan perkilangan berbanding pekerjaan di sektor luar bandar yang bercorak pertanian. Kampung Dato' Keramat berhampiran dengan Kawasan Perdagangan Bebas Ulu Kelang yang merupakan kawasan perindustrian ringan. Oleh itu tidak hairanlah ada dikalangan responden yang dikaji bekerja di sektor perkilangan di Kawasan Perdagangan Bebas Ulu Kelang. Ciri-ciri pekerjaan di kawasan perumahan ini juga pelbagai. Ada di antara responden yang berjawatan tinggi seperti jurutera, akauntan, arkitek, pegawai kerajaan kumpulan A dan ada juga responden yang hanya merupakan buruh am sahaja.

Jadual 3.0 Kelas Pekerjaan Responden

Kelas pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Profesional	5	3.3
Pengurusan	8	5.3
Perkeranian	12	8.0
Buruh Am	24	16.0
Lain-lain	101	67.3
Jumlah	150	100.00 99.9

Jadual 3.0 di atas menunjukkan kelas pekerjaan responden. Jadual tersebut menunjukkan ramai responden terlibat di dalam kelas pekerjaan yang bukan bersifat profesional, pengurusan dan perkeranian. Hampir 67.3% atau bersamaan 101 orang responden terlibat dengan kelas pekerjaan selain daripada kelas pekerjaan profesional, pengurusan dan perkeranian itu. Kelas pekerjaan lain ini termasuklah responden yang bekerja sendiri seperti membuka perniagaan kedai makan, menjahit baju, membaiki kasut, pemandu teksi dan sebagainya. Hanya seramai 24 orang (16.0%) responden terlibat dengan kelas pekerjaan sebagai buruh am. Mereka ini sebenarnya ialah golongan pendatang asing Indonesia.

Kajian juga dijalankan untuk melihat sektor di mana responden bekerja. Kajian menunjukkan terdapat tiga sektor utama pekerjaan responden di kawasan kajian iaitu sektor swasta, sektor kerajaan dan badan berkanun. Di sektor kerajaan dan sektor swasta ada responden yang bekerja sebagai jurutaip, kerani, akauntan dan pegawai perhubungan awam. Pekerja di sektor swasta pula terdiri daripada pekerja kilang, pegawai pemasaran, ahli farmasi dan pembantu klinik. Mereka berkerja di kawasan yang berhampiran dengan kawasan kediaman mereka seperti di pusat

bandar Kuala Lumpur. Jumlah ketua isi rumah yang terlibat di dalam pekerjaan di sektor swasta agak besar iaitu seramai 48 orang atau merangkumi 32.1% responden. Perjalanan selama 15 minit dengan menggunakan kenderaan awam ke kawasan pusat bandar yang mempunyai pejabat-pejabat awam dan swasta merupakan kelebihan untuk penyewa menyewa rumah di kawasan ini. Di samping itu, kawasan ini mempunyai kemudahan pengangkutan awam yang baik seperti sistem transit aliran (LRT) dan bas Intrakota. Keadaan ini juga membantu mengurangkan masa pengangkutan mereka.

Jenis pekerjaan tertinggi responden ketua isi rumah ialah di sektor informal iaitu peniaga kecil-kecilan. Jumlah yang terlibat dengan sektor informal ini ialah seramai 58 orang atau 38.6%. Jenis perniagaan yang dijalankan ialah pelbagai. Antaranya ialah seperti bermiaga di gerai makan, membuka kedai runcit, mengambil upah menjahit baju, menjadi pemandu teksi, serta bermiaga di pasar malam. Pada umumnya, perniagaan ini dijalankan di kawasan Pasar Dato' Keramat atau di kawasan perumahan itu sendiri. Bagi peniaga-peniaga pasar malam pula mereka bermiaga di kawasan taman perumahan di sekitar Kampung Dato' Keramat seperti di AU1, AU2, AU/3, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan sebagainya. Perniagaan

sedemikian amat sesuai dijalankan di kawasan tersebut kerana mempunyai permintaan yang tetap daripada penduduk di kawasan perumahan yang berhampiran.

Sektor informal ini bukan sahaja mudah diceburi tetapi ia juga tidak terikat dengan banyak peraturan dan undang-undang. Malah semenjak negara kita kebanjiran pendatang asing seperti Indonesia sektor ini turut diceburi oleh pendatang asing tersebut. Selain daripada itu ada juga responden yang menjadi pemandu bas sekolah. Oleh kerana usaha tersebut merupakan perniagaan secara kecil-kecilan, maka pengkaji meletakkannya di bawah kategori bekerja sendiri.

Namun majoriti (38.6%) atau 55 orang responden bekerja sendiri atau terlibat di dalam sektor informal. Kegiatan sektor informal di sini bermaksud samada menjadi peniaga kecil-kecilan dengan membuka gerai, kedai runcit mahu pun peniaga-peniaga di pasar malam dan pemandu teksi.

Jadual 3.1 Sektor Pekerjaan Isi Rumah

Jenis pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Bersara	19	12.7
Kerja sendiri	55	36.7
Swasta	48	32.0
Kerajaan	23	15.3
Badan Berkanun	2	1.3
Lain-lain	3	2.0
Jumlah	150	100.0

3.4.7 Pola Pendapatan

Kawasan perumahan RIDA adalah merupakan kawasan kediaman yang dibina dahulunya untuk golongan berpendapatan rendah. Kawasan perumahan ini terdiri daripada rumah sesebuah yang mengandungi dua buah bilik. Struktur rumahnya terdiri daripada papan dan batu. Kedudukan dapur terpisah daripada ruang utama yang menempatkan dua bilik tidur. Kawasan perumahan RIDA mengandungi 200 unit rumah. Fasa pertama rumah ini dibina pada tahun 1956 sebanyak 50 unit dan fasa kedua berjaya disiapkan pada tahun 1957 yang merangkumi 150 buah unit tambahan. Setiap unit rumah berharga RM 25.000. Sewa bulanan yang dikenakan kepada pemilik rumah RIDA tersebut ialah sebanyak RM 33.00 sebulan. Pinjaman yang dikenakan memakan masa selama 17-19 tahun. Kini pinjaman tersebut telah dilunaskan oleh pemilik dan tanah tersebut.

adalah bertaraf pajakan selama 30 tahun 1956-1986. Selepas daripada tarikh tersebut pajakan masih boleh diteruskan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Huraian di atas menggambarkan bahawa corak pendapatan penghuni di kawasan kediaman ini mungkin bertaraf sederhana selaras dengan tujuan perumahan itu dibina untuk memenuhi pendapatan golongan berpendapatan sederhana. Namun daripada kajian bukan semua responden adalah merupakan pemilik rumah 'RIDA' asal ini. Ada diantara responden merupakan penyewa dan juga generasi kedua kepada pemilik rumah asal. Generasi kedua di sini bermaksud anak-anak kepada pemilik rumah asal 'RIDA'. Oleh kerana itu didapati terdapat perbezaan diantara kadar pendapatan ketua isi rumah. Keadaan ini juga membayangkan bahawa tidak semua penghuni rumah 'RIDA' mempunyai pendapatan bulanan ketua isi rumah yang sederhana. Responden yang mempunyai pekerjaan baik tetapi tinggal bersama kedua ibu bapa mereka menunjukkan pola pendapatan yang berbagai.

3.4.7.1 Pendapatan Bulanan Ketua Isi Rumah

JADUAL 3.2 Kadar Pendapatan Kasar Bulanan Ketua Isi Rumah

Kadar pendapatan	Bilangan	Peratus (%)
< RM 250	-	-
RM 251-RM 500	24	16.0
RM 501-RM 1000	89	59.3
RM 1001-RM 1500	33	22.0
RM 1501-RM 2000	4	2.6
> RM 2000	-	-
Jumlah	150	100.0

Jadual 3.2 di atas menunjukkan kadar pendapatan kasar ketua isi rumah berkisar di antara kategori pendapatan RM 250-RM 2000 sebulan. Tetapi golongan yang mempunyai kadar pendapatan sebanyak RM 500-1000 adalah merupakan responden teramai iaitu seramai 89 orang responden (59.3%). Jumlah ini dikira berdasarkan kerana kebanyakan responden (52.0%) yang dikaji mempunyai tahap pendidikan tertinggi iaitu lepasan sekolah menengah, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan universiti (lihat Jadual 2.9). Golongan kedua tertinggi ialah kategori RM 1,001.00-RM 1,500.00 yang mengandungi 33 orang responden atau (22.0%).

3.4.6.2 Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata

Jadual 3.3 Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata

Kadar pendapatan	pemilik	Jumlah pendapatan	Penyewa	Jumlah pendapatan
< RM 250	-	-	-	-
RM 251-500	4	1,004	3	753
RM501-RM1000	18	9,018	18	9,018
RM1001-RM1500	3	3,003	7	7,007
RM1501-RM2000	31	46,531	24	36,024
>RM2000	29	58,000	13	26,000
Jumlah	85	1,175,56	65	78,802
Purata pendapatan		1,383.00		1,212.00

Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata lebih besar daripada pendapatan kasar ketua isi rumah. Perlu dijelaskan jumlah pendapatan isi rumah kasar bulanan purata di sini bermaksud jumlah pendapatan semua isi rumah yang bekerja yang tinggal bersama di dalam sebuah rumah. Ini termasuklah gaji atau pendapatan isteri atau anak-anak yang bekerja yang tinggal serumah dengan ibu atau bapa mereka. Kajian ini juga menunjukkan di dalam sebuah keluarga terdapat 2 atau 3 orang ahli isi rumah lain yang bekerja dan menyumbang kepada sosio-ekonomi keluarga. Tidak hairanlah daripada kajian yang dijalankan ada diantara rumah yang mempunyai struktur rumah yang moden daripada struktur rumah 'RIDA' yang asal. Pada setiap rumah itu juga terdapat

Secara keseluruhannya jadual ini menunjukkan lebih separuh daripada ketua isi rumah (75.3%) memperolehi kadar pendapatan bulanan sebanyak RM 1,000.00 dan ke bawah. Keadaan ini juga menggambarkan bahawa tahap sosio-ekonomi penduduk di kawasan kediaman ini adalah pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan sebegini memungkinkan mereka menikmati kehidupan di kawasan ini kerana perbelanjaan hidup tidak terlalu mendesak. Kedudukan Kampung Dato' Keramat yang strategik dihubungkan dengan kemudahan pengangkutan yang baik mengurangkan kos pengangkutan. Ini memberikan kelebihan kepada penghuni yang berulang-alik ke tempat kerja. Selain itu harga barang keperluan harian seperti ikan dan sayur-sayuran agak munasabah. Barang-barang ini mudah diperolehi daripada Pasar Dato' Keramat atau Pasar Chow Kit yang terletak berhampiran. Di kawasan Kampung Dato' Keramat dan di persekitarannya terdapat pelbagai kemudahan asas yang lain seperti sekolah rendah dan menengah, pasaraya, pejabat kerajaan dan swasta yang boleh memudahkan mereka menjalani kehidupan seperti biasa.

beberapa buah kereta yang melambangkan status sosio ekonomi mereka.

Berdasarkan kepada Jadual 3.3 diatas, pendapatan isi rumah kasar bulanan purata responden ialah diantara RM1,383.00-RM1,212.00 sebulan. Berdasarkan kepada jadual tersebut pendapatan isi rumah kasar bulanan purata responden pemilik adalah lebih tinggi daripada pendapatan isi rumah kasar bulanan purata responden penyewa. Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata pemilik ialah sebanyak RM1,383.00 sebulan berbanding dengan pendapatan isi rumah bulanan purata penyewa iaitu RM1,212.00 sebulan. Ini juga menunjukkan bahawa tahap sosio-ekonomi responden pemilik rumah 'RIDA' adalah lebih baik daripada tahap sosio-ekonomi penyewa rumah 'RIDA'. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan purata pendapatan isi rumah kasar bulanan Bumiputera di kawasan bandar, nilai pendapatan isi rumah kasar bulanan purata responden pemilik dan penyewa di kawasan perumahan 'RIDA' adalah lebih rendah iaitu hanya RM1,383.00 dan RM1,212.00 berbanding dengan pendapatan isi rumah bulanan purata Bumiputera di kawasan bandar iaitu sebanyak RM2,769.00 pada tahun 1997. Jika dibandingkan pula dengan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata di kawasan bandar

mengikut ethnik di kawasan bandar, jumlah pendapatan ini jauh lebih kecil berbanding dengan kaum Cina iaitu RM4,071.00 dan kaum India RM3,289.00 pada tahun 1997 masing-masing (Rancangan Malaysia Ke-7, 1999:73-75). Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan isi rumah kasar bulanan purata di kawasan perumahan 'RIDA' ini mungkin mempunyai kaitan dengan kesan kelembapan ekonomi pada tahun 1998 yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, pengurangan aktiviti perniagaan dan lebih teruk lagi ada sesetengah pihak yang terpaksa menukar corak pekerjaan.

3.4.7.3 Pecahan Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata Pemilik & Penyewa

Pecahan Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata antara pemilik dan penyewa mengikut peratusnya dinyatakan seperti dalam Jadual 3.4 dibawah. Di dapati pecahan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata pemilik rumah 'RIDA' berbeza dengan pecahan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata

dalam Jadual 3.4 diatas. Di dapati pecahan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata pemilik rumah 'RIDA' berbeza dengan pecahan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata penyewa di kawasan perumahan 'RIDA'. Jika dibuat perbandingan, responden pemilik yang mempunyai pendapatan isi rumah kasar bulanan purata di dalam kategori RM 1,501.00-RM 2,000.00 mempunyai bilangan yang ramai iaitu 24 orang berbanding dengan responden penyewa iaitu hanya seramai 31 orang sahaja. Begitu juga di dalam kategori pendapatan isi rumah melebihi RM2,000.00 bilangan responden pemilik rumah adalah lebih ramai (29) orang berbanding dengan responden penyewa hanya seramai 13 orang sahaja.

Jumlah pendapatan isi rumah kasar ini mempunyai implikasi yang besar terhadap aspek perumahan di kawasan ini. Rumah yang mempunyai anak-anak dewasa dan berkahwin tetapi tinggal bersama keluarga biasanya mempunyai struktur rumah yang berbeza daripada struktur rumah asal. Perbezaan ini boleh dilihat melalui pengubahsuaian yang dilakukan terhadap rumah mereka. Antara bentuk perubahan yang berlaku ialah dari segi penambahan bilik, perubahan lantai ruang tamu dan dapur. Ada juga diantara rumah 'RIDA' yang lama telah diubahsuai sama sekali. Rumah baru akhirnya dibina di

atas tapak rumah lama. Sudah pasti struktur rumah baru lebih luas, kemas dan lebih selesa daripada struktur rumah 'RIDA' yang asal. Pengubahan dan penyesuaian perumahan ini akan dilihat dalam bab yang seterusnya.

3.5 Rumusan

Daripada kajian terhadap aspek sosio-ekonomi seperti yang telah diuraikan di atas, didapati penghuni rumah 'RIDA' pada hari ini terdiri daripada golongan muda pertengahan dan tua. Golongan yang paling ramai ialah golongan penghuni yang mempunyai tahap umur produktif iaitu di dalam lingkungan 20 tahun-40 tahun. Boleh dikatakan juga golongan ini merupakan majoritinya golongan penghijrah yang datang ke Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan dan mereka menyewa di kawasan Kampung Dato' Keramat kerana kawasan kampung tersebut berhampiran dengan tempat kerja mereka. Dari segi status perkahwinan pula kebanyakannya responden sudah berkahwin. Ada juga responden yang berkahwin dan telah mempunyai keluarga.

Dari sudut tahap pendidikan pula rata-rata responden tidak mempunyai taraf pendidikan yang tinggi. Kebanyakannya

responden yang ditemui mencapai taraf pendidikan sehingga S.P.M sahaja. Namun ada juga responden yang memegang Diploma dan Ijazah daripada universiti tempatan dan luar negeri. Namun bilangannya kurang daripada 20 orang. Tahap pendidikan juga mempengaruhi kadar pendapatan ketua isi rumah. Ada di antara isi rumah yang mempunyai ahli-ahli keluarga yang bekerja selain daripada fungsi tradisional iaitu bapa sebagai ketua keluarga sahaja yang keluar bekerja.

Ahli-ahli keluarga yang bekerja itu mungkin terdiri daripada isteri atau anak-anak yang telah habis peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Jenis pekerjaan mereka ialah seperti jurujual di pasaraya, tukang cuci, mengambil upah menjahit baju, menjaga anak di rumah dan sebagainya.

Dari aspek sosio-ekonomi juga kelihatan perbezaan diantara sosio-ekonomi pemilik rumah 'RIDA' dengan penyewa di rumah 'RIDA'. Pemilik rumah 'RIDA' kebanyakannya mempunyai tahap sosio-ekonomi yang lebih baik (rujuk Jadual 3.4). Ini dibuktikan melalui pengubahsuaian yang telah dilakukan terhadap rumah asal 'RIDA' (akan dibincangkan dalam bab seterusnya). Pengubahsuaian biasanya kelihatan lebih baik

dan selesa. Walaupun ada diantara rumah 'RIDA' yang telah diubahsuai untuk disewakan tetapi dari segi keselesaannya didapati rumah yang telah diubahsuai dan diduduki oleh pemilik nampak lebih mewah, moden dan selesa. Hakikatnya aspek sosio-ekonomi penghuni rumah 'RIDA' menunjukkan terdapat dua kategori sosio-ekonomi iaitu yang mempunyai tahap sosio-ekonomi rendah yang merupakan penyewa dan tahap sosio-ekonomi sederhana yang kebanyakannya merupakan pemilik rumah 'RIDA' itu sendiri.

Kajian mengenai aspek sosio-ekonomi penghuni rumah 'RIDA' di Kampung Dato' Keramat ini juga boleh digunakan untuk memperlihatkan status sosial sebahagian masyarakat Melayu khasnya di kawasan Tanah Rizab Melayu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seterusnya diharapkan dengan adanya maklumat sosio-ekonomi ini dapat membantu para perancang khasnya para perancang aspek sosial membuat perancangan dengan lebih baik demi memenuhi keperluan masyarakat di kampung ini secara keseluruhannya.